

Percukaian Agihan Keuntungan PLT Di Malaysia

Berikutan pengenalan Bahagian XXIII Jadual 1 kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 (selepas ini dirujuk sebagai "Akta") menerusi Akta Kewangan 2025, Menteri Kewangan telahewartakan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penentuan Pendapatan Kena Cukai Individu Berkenaan Dengan Keuntungan Perkongsian Liabiliti Terhad) 2026 [P.U.(A) 278/2026].

Kaedah-Kaedah ini menetapkan formula berkanun bagi membahagikan pendapatan bercukai seseorang pekongsi individu antara bahagian yang boleh dihubungkan dengan agihan keuntungan daripada Perkongsian Liabiliti Terhad (selepas ini dirujuk sebagai "PLT") dan baki pendapatan bercukai. Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2026 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

1. Pemakaian

Mekanisme pembahagian ini terpakai kepada pekongsi individu yang bermastautin atau tidak bermastautin di Malaysia dan yang, dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran:

- (1) Menerima agihan keuntungan yang terbit dari Malaysia, yang dibayar, dikreditkan, atau diagihkan sama ada dalam bentuk tunai atau barangan, daripada PLT.
- (2) Menerima jumlah agihan keuntungan daripada PLT melebihi RM100,000 dalam tempoh asas tersebut.

2. Formula Pengiraan

Bagi pekongsi individu yang layak, pendapatan bercukai yang boleh dihubungkan dengan agihan keuntungan PLT dikira menggunakan formula:

Pendapatan bercukai yang boleh dihubungkan dengan keuntungan

$$PLT = \frac{A}{B} \times C$$

SHENZHEN 深圳

Rooms 1203-06, 12/F.
Di Wang Commercial Centre
5002 Shennan Road East
Luohu District, Shenzhen, China
中國深圳市羅湖區深南東路5002號
地王商業中心12樓1203-06室
T: +86 755 8268 4480

SHANGHAI 上海

Room 1201, 12/F., Tower A
Guangqi Culture Plaza
2899A Xietu Road, Xuhui District
Shanghai, China
中國上海市徐匯區斜土路2899甲號
光啓文化廣場A座12樓1201室
T: +86 21 6439 4114

BEIJING 北京

Room 303, 3/F.
Interchina Commercial Building
33 Dengshikou Street
Dongcheng District, Beijing, China
中國北京市東城區燈市口大街33號
國中商業大廈3樓303室
T: +86 10 6210 1890

TAIPEI 台北

Rooms 7F-702, 7/F., 188 Section 5
Nanjing East Road
Songshan District, Taipei
Taiwan 105411
台灣台北市松山區南京東路五段
188號7樓7F-702室
郵編: 105411
T: +886 2 2711 1324

TOKYO 東京

Rooms 502-03, 5/F.,
Lions Mansion Matsugaya
1-4-6 Matsugaya, Taito, Tokyo
Japan 111-0036
日本東京都台東區松谷1-4-6
獅子大廈5樓502-03室
郵編: 111-0036
T: +81 3 5776 2637

SINGAPORE 新加坡

138 Cecil Street, #13-02 Cecil Court
Singapore 069538
T: +65 6438 0116

KUALA LUMPUR 吉隆坡

Menara Suezcap, Tower 2
E-13A-3A, No. 2 Jalan Kerinchi
Gerbang Kerinchi Lestari
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
T: +60 19 2177 344

NEW YORK 紐約

202 Canal Street, Suite 303, 3/F.
New York, NY 10013, USA
T: +1 646 850 5888

LONDON 倫敦

Room 5, 2/F., 39-41 High Street
New Malden, Surrey
KT3 4BY, UK
T: +44 20 3910 8392

Di mana:

Perkara	Definisi
A	Pendapatan berkanun berkenaan dengan keuntungan PLT dalam tempoh asas bagi tahun taksiran tersebut, mengikut Seksyen 54C Akta.
B	Pendapatan agregat dalam tempoh asas bagi tahun taksiran tersebut.
C	Pendapatan bercukai dalam tempoh asas bagi tahun taksiran tersebut yang tertakluk kepada cukai sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan 1 Bahagian I (bagi individu bermastautin) atau Perenggan 1A Bahagian I (bagi individu tidak bermastautin) dan Bahagian XXIII Jadual 1 Akta.

Sekiranya individu ditaksir secara bersama dengan pasangan di bawah subseksyen 45(2) Akta, "pendapatan agregat" (B) hendaklah merupakan pendapatan agregat gabungan kedua-dua pasangan.

3. Layanan Cukai dan Kadar yang Terpakai

Sebaik sahaja dibahagikan, bahagian pendapatan bercukai daripada keuntungan PLT dikenakan cukai pada kadar rata 2% seperti yang ditetapkan di bawah Bahagian XXIII Jadual 1 Akta.

Baki pendapatan bercukai individu tersebut kekal tertakluk kepada cukai pada kadar:

- (1) Bagi individu bermastautin, kadar cukai berperingkat di bawah Perenggan 1 Bahagian I Jadual 1 Akta; atau
- (2) Bagi individu tidak bermastautin, kadar rata 30% di bawah Perenggan 1A Bahagian I Jadual 1 Akta.

Secara praktikalnya, kadar konsesi 2% hanya terpakai kepada pendapatan PLT yang telah dibahagikan, manakala semua pendapatan bercukai lain mengekalkan layanan cukai standardnya.

4. Contoh Ilustrasi

Liang ialah seorang individu bermastautin cukai di Malaysia dan merupakan pekongsi dalam sebuah PLT yang bermastautin di Malaysia. Bagi Tahun Taksiran 2026, beliau menerima RM180,000 dalam bentuk agihan keuntungan daripada PLT dan RM90,000 pendapatan bercukai lain. Liang akan menuntut jumlah pelepasan cukai sebanyak RM27,000 sebelum memperoleh jumlah pendapatan bercukainya..

Langkah 1	Tentukan A, B dan C A (pendapatan berkanun daripada PLT) = RM80,000 (bahagian yang melebihi ambang RM100,000) B (pendapatan agregat) = RM80,000 + RM90,000 = RM170,000 C (pendapatan bercukai) = RM170,000 – RM27,000 = RM143,000
-----------	---

Langkah 2	Pembahagian pendapatan bercukai Bahagian pendapatan bercukai PLT = $\frac{80,000}{170,000} \times 143,000 = \text{RM}67,294$ Bahagian pendapatan bercukai lain = $\text{RM}143,000 - \text{RM}67,294 = \text{RM}75,706$
Langkah 3	Kenakan kadar cukai yang terpakai Pendapatan bercukai PLT = $\text{RM}67,294 \times 2\% = \text{RM}1,345.88$ Pendapatan bercukai lain = (bagi RM70,000 pertama) $\text{RM}3,700 +$ (bagi baki $\text{RM}5,706$) $(\text{RM}5,706 \times 19\%) = \text{RM}3,700 + \text{RM}1,084.14 = \text{RM}4,784.14$ Jumlah cukai kena dibayar = $\text{RM}1,345.88 + \text{RM}4,784.14 = \text{RM}6,130.02$.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di <https://www.hasil.gov.my/en>

Kumpulan KAIZEN, bersama-sama dengan firma sekutunya di Malaysia, bersedia membantu pelanggan untuk melaksanakan segala urusan pematuhan ini bagi memastikan syarikat Malaysia anda sentiasa berada dalam status kedudukan yang baik (good standing). Sila hubungi dan berbincang dengan akauntan profesional kami di Kaizen untuk penjelasan lanjut.

Sekiranya anda ingin mendapatkan maklumat lanjut atau bantuan, sila layari laman web rasmi Kaizen CPA Limited di www.kaizencpa.com atau hubungi kami melalui saluran berikut untuk bercakap dengan para professional kami:

E-mel: info@kaizencpa.com

Tel: +852 2341 1444

Telefon bimbit: +852 5616 4140, +86 152 1943 4614

WhatsApp / Line / WeChat: +852 5616 4140

Skype: kaizencpa